

# 300kg durian untuk sambutan tahun baharu 2018

**BATU PAHAT** - Kedatangan ambang tahun baharu 2018 di-sambut meriah oleh penduduk Parit Raja, apabila melakukan kelainan dengan meraikannya menerusi pesta durian.

Pengalaman pertama itu dilaksanakan di Dataran Maju Bistari Walk, Parit Jambul Laut, pada masa yang sama turut dihadiri 300 pemilik motosikal berkuasa tinggi kelolaan Kelab Motosikal BP Bikers.

Pengarah Program Fiesta Tahun Baru 2018, Majdan Jamain berkata, tujuan utama program berkenaan diadakan adalah untuk meraikan tahun baharu bersama masyarakat setempat.

Katanya, dalam program tahunan yang diadakan ini ia mengikut tema tertentu dan pada 2018 ini, bersempena dengan musim durian di negara ini pesta makan raja buah ini diadakan melibatkan sebanyak 300 kg.

"Di samping itu, kita juga turut adakan aktiviti samping-

an seperti pertandingan karaoke, perlumbaan kereta *mini hot wheels*, perjumpaan pemilik motosikal berkuasa tinggi dan juga kiraan detik jam 12 tengah malam.

"Kita berharap program ini dapat memupuk perpaduan penduduk tanpa mengira kaum. Program ini juga menarik penyertaan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang tinggal di sekitar Parit Raja.

"Kerjasama pelajar UTHM dan penduduk setempat untuk meraikan program ini sememangnya yang pertama kali diadakan untuk menyambut tahun baru, dan kita akan teruskan di masa akan datang," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Hadir sama dalam sambutan berkenaan ialah Pengarah UTEN Holdings, Tee Swee Hong dan Pengerusi Majlis Belia Daerah Batu Pahat (MBDBP), Muhammad Izzat Datuk Ariss.

Sementara itu, menurut



**300kg durian pelbagai jenis menghiasi kehadiran tahun baharu 2018 di Parit Raja.**

Swee Hong, setelah melihat sambutan yang menggalakkan ambang tahun baharu di dataran berkenaan, pihaknya sedia bekerjasama untuk program yang sama pada masa akan datang.

Katanya, pihak UTEN menyediakan tempat untuk sambutan ini diadakan dan dalam masa yang sama dapat

melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada penduduk sekitar Parit Raja.

"Pesta Durian ini berjaya dan kita akan laksanakannya lagi sekiranya ada musim durian kelak. Walaupun ia bukan pada sambutan tahun baru saja, tetapi yang paling penting ialah masyarakat Parit Raja ini dapat bersatu," katanya.